

TERMA DAN SYARAT

Don Malaya

TECHDOM www.teknikdom.com



TERMA & SYARAT

Para pelanggan dihormati, anda dinasihatkan memahami segala terma dan syarat pembelian sebelum membuat sebarang pesanan atau pembelian melalui teknikdom.com. Selepas anda membeli, bermakna anda telah menerima dan bersetuju dengan terma dan syarat tanpa paksaan mana-mana pihak

1. Semua produk yang disenaraikan di teknikdom.com yang telah dibeli tidak boleh dikembalikan dalam apa jua bentuk.
2. Selepas pembelian dibuat, tiada jaminan wang akan dikembalikan.
3. Tiada jumlah had belian kepada setiap belian yang dibuat.
4. Semua urusan niaga di Malaysia adalah dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan selain dari Malaysia adalah dalam matawang Dollar (USD)
5. Pembayaran yang dibuat melalui Mesin Cash Deposit (ATM), nilai adalah genap dan tidak akan dipulangkan.
6. Pastikan nama, alamat, poskod, email, no phone diisi dengan betul pada borang. Pihak kami tidak akan bertanggungjawab atas kesilapan yang anda berikan ketika mengisi borang pembelian.
7. Segala maklumat anda akan disimpan untuk kegunaan pada masa akan datang sebagai rujukan dan tidak akan diberikan kepada pihak ketiga dan ianya dianggap sulit dan rahsia.

(A) PENGESAHAN BAYARAN

8. Sila sertakan bukti bayaran di ruangan borang yang disediakan. Anda juga boleh menghantar bukti bayaran melalui aplikasi Whatsapp di talian +60199394850 .
9. Maklumat pembelian akan disemak dan disahkan dalam tempoh 24jam selepas bayaran dibuat. Sekiranya tiada maklum balas, sila hubungi segera di talian +60199394850 untuk semakan.

(B) PENGHANTARAN

10. Penghantaran produk Indicator ,eBook DOM dan Siri Video akan dibuat melalui Email yang telah didaftarkan semasa mengisi borang pembelian.
11. Penghantaran produk akan dihantar dalam tempoh 24 jam dari masa bayaran dibuat. Kami akan memaklumkan kepada pihak pembeli jika berlaku kelewatan luar biasa.

(C) LANGGANAN INDICATOR INSTITUTION INTEREST LEVEL (IIL)

12. Setiap langganan adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan.
13. Setiap langganan yang telah dibuat tidak boleh dibatalkan dan tiada jaminan untuk wang diberikan.
14. Setiap langganan yang dibeli akan mendapat
 - I. Satu (1) unit indicator institution interest level yang dipasang di Metatrader4.
 - II. Kata laluan (License Key) bagi file .EX4
 - III. Kata laluan untuk mengakses video panduan cara guna indicator.
 - IV. Kelayakan PERCUMA 4 Bulan Langganan (mengikut terma&syarat)
15. Setiap pelan yang dilanggan adalah hakmilik kepada pembeli selagi mana dalam tempoh langganan dan masih tertakluk kepada terma & syarat.
16. Pembeli dilarang sama sekali untuk berkongsi indicator dan kata laluan, dengan orang lain dalam apa jua bentuk.
17. Jika didapati berlaku perlanggaran dalam perkara (15), pihak kami berhak menarik semula semua kelebihan yang diberikan dan wang tidak akan dikembalikan sama sekali.
18. Sokongan atau *Online Support* hanya diberikan dalam bentuk pemasangan dan isu-isu berkaitan dengan teknikal sahaja.
19. Langganan akan tamat setelah tamat tempoh dari hari mula pembayaran dibuat berdasarkan pelan langganan yang dipilih.
20. Sambungan langganan(renew) hanya boleh dibuat setelah tamat tempoh langganan. Pembeli boleh menyambung langganan mengikut pelan yang disediakan.
21. Setiap pembelian mana-mana pelan langganan akan **layak untuk menerima bonus PERCUMA 4** bulan mengikut terma & syarat di bawah:
 - a. Pembeli dikehendaki membuat pendaftaran akaun trading dengan minimum deposit iaitu 50USD di bawah Affiliates link kami.
 - b. Pembeli WAJIB membuka posisi sekurang-kurangnya 0.08 Lot dalam tempoh 45 hari. Jika tiada posisi dibuat, kami berhak menarik semula pelan BONUS PERCUMA.
 - c. Perkara 21(b) tidak tertakluk setelah melebihi 45 hari.
 - d. Anda hanya layak untuk mendapat **satu kali permohonan BONUS sahaja** bagi mana-mana langganan. Ini bermakna permohonan kedua bagi langganan Bonus adalah tidak layak.

(D) PEMBELIAN E-BOOK & SIRI VIDEO

22. Setiap pembelian akan dibekalkan dengan
 - a. Satu(1) buah Ebook Depth Of Market dengan kata laluan
 - b. Kata laluan untuk SIRI VIDEO DEPTH OF MARKET
 - c. Indicator iiLevel berserta kata laluan selama 7 bulan dari tarikh belian dibuat.
23. Pembeli dilarang sama sekali untuk berkongsi kata laluan dan eBook kepada orang lain dalam bentuk apa sekali pun.
24. Hakcipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam kandungan eBook tidak boleh diterbitkan semula sama ada dengan cara elektronik, penggambaran semula, penyebaran dan perkongsian di laman sosial, email atau sebahagiannya tanpa kebenaran bertulis daripada teknikdom.com
25. Jika didapati berlaku pelanggaran dalam perkara (22) ,perkara (23), dan perkara (24) ,pihak kami berhak menarik semula semua kelebihan yang diberikan dan wang tidak akan dikembalikan sama sekali.

(E) RISIKO DAN PENAFIAN

26. Pihak pembeli bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kerugian atau apa-apa yang difikirkan memudaratkan selepas membeli atau melanggan produk kami.
27. Pembeli sepenuhnya memahami risiko dagangan ketika menggunakan produk kami.
28. Pembeli memahami bahawa dagangan matawang asing seperti FOREX adalah berisiko untuk mengalami kerugian penuh.
29. Pihak kami tidak akan bertanggungjawab dengan apa cara sekali pun jika kerugian berlaku ketika melakukan dagangan di pasaran selepas menggunakan produk kami.
30. Pembeli seharusnya memahami sepenuhnya bahawa pasaran FOREX dan dagangan amat berisiko untuk mengalami kerugian yang amat serius.

(F) PERUBAHAN KEPADA SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN

31. Semua Terma & Syarat diatas adalah tertakluk kepada pindaan dan boleh berubah dari masa ke semasa tanpa dimaklumkan kepada pelanggan. Pelanggan perlu menyemak Terma & Syarat ini dari masa ke semasa yang dikira sesuai.
32. Adalah dipersetujui bahawa untuk memastikan anda mengikuti sebarang perubahan, pengubahsuaian, pembatalan atau penambahan kepada syarat-syarat ini, anda akan mengakses dan meneliti syarat-syarat ini dari semasa ke semasa dan secara tetap. Anda selanjutnya bersetuju dan menerima bahawa

akses secara berterusan dan penggunaan syarat-syarat (yang diubah atau diubahsuai dari semasa ke semasa) akan dianggap sebagai penerimaan anda terhadap sebarang perubahan, pengubahsuaian, pembatalan atau penambahan kepada syarat-syarat ini.